



PERKAHWINAN jalan terbaik untuk menghalalkan perhubungan antara bukan mahram. B/H 28/3/12 MS 5.

Pendidikan seks berteras Islam atasi gejala sosial

Remaja perlu tahu mengenai hubungan halal, haram

PENDIDIKAN seks sebenarnya sudah menjadi isu kontroversial dalam masyarakat. Terdapat pula pihak yang melobi untuk memperkenalkan pendidikan seks dan terdapat pula pihak yang menentangnya.

Pelbagai alasan diberikan oleh kedua-dua pihak. Dalam masa yang sama fenomena sosial moden termasuk isu berkaitan seksual yang dianggap berpunca daripada hal ini terus berlaku dalam masyarakat seperti lahirnya anak luar nikah dan pembuangan bayi.

Soalnya apakah gejala seksualiti akibat hubungan bebas? Jawapannya, gejala seksualiti akibat hubungan bebas meliputi meningkatnya jenayah seksual, seks rambang, HIV atau AIDS, kejadian sumbang mahram, kes rogol dan homoseksual.

Orientasi seksual mula timbul pada tahap awal remaja yang merujuk kepada pola atau rangsangan masa yang erotik, iaitu sama ada kepada jantina sama jenis atau jantina sebaliknya.

Justeru, Islam sangat melarang pergaulan bebas yang boleh menjuruskan ke arah gejala sosial. Ia boleh membawa banyak kemungkaran dalam masyarakat.

Lantaran itu, mencegah kemungkaran adalah tanggungjawab bersama. Daripada Abu Said al Khudri RA, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa dalam kalangan kamu yang melihat kemungkaran hendaklah dia mengubahnya dengan tangan, sekiranya dia tidak mampu hendaklah mengubahnya dengan lidah. Sekiranya tidak mampu mengubah dengan lidah hendaklah dia mengubah dengan hati, dan mengubah dengan hati adalah selemah-lemah iman." (Riwayat Muslim).

Semua pihak dalam masyarakat mestilah berusaha mengubah keadaan ini kepada yang lebih baik. Seringkali pula generasi muda yang dikaitkan dengan masalah sosial berkenaan menjadi mangsa keadaan

disebabkan tiada didikan iman.

Penghalang kepada pendidikan seks ini adalah pandangan masyarakat terhadap pelaksanaannya. Ia perlu dilakukan di peringkat sekolah secara ilmiah, berilmu penuh hikmah dan mengikut peringkat demi peringkat.

Pandangan generasi baru terhadap pendidikan seks sebenarnya sudah mula menampakkan perubahan. Apa yang penting ialah nama 'Pendidikan Seks' itu sendiri banyak membawa konotasi berbeza.

Terdapat juga konflik dalam menerima perubahan ini terutama dalam kalangan ibu bapa. Mereka bimbang dengan isi kandungan dan sukan yang boleh menjurus kepada masalah seksual yang lebih bahaya seperti peningkatan pergaulan bebas, kes rogol, pembuangan bayi dan sebagainya.

Justeru ini menyebabkan Kementerian Pelajaran memperkenalkan pendidikan seksualiti sebagai subjek berasingan dikenali sebagai Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (Peers).

Lantaran itu, kementerian berkenaan menetapkan mata pelajaran itu diajar selama 40 minit sebanyak dua kali sebulan di sekolah menengah, manakala selama 30 minit setiap minggu bagi murid sekolah rendah.

Persoalannya, mengapakah pendidikan seks perlu dan adakah ia sesuai dalam masyarakat Malaysia. Kita juga tidak mahu anak memahami seks hanya melalui saluran yang tidak sihat seperti melalui internet dan juga CD lucah.

Justeru, pendidikan melalui Peers mestilah selari dengan pengajaran

akidah dan agama. Hanya melalui pendidikan pelajar dapat memahami seks hanya halal selepas berkahwin.

Terdapat pro dan kontra terhadap pendidikan seks dengan mengaitkan kepada isu sosial berkaitan. Justeru, pendidikan seks mestilah berlandaskan perspektif agama. Pandangan Islam terhadap pendidikan seks mestilah diambil kira sebagai teras pendidikan.

Kita harus memberikan kepercayaan sepenuhnya kepada guru-guru yang terdidik dan terlatih untuk mengajar mata pelajaran Peers ini di sekolah.

Pendidikan seks mestilah membawa makna dan tujuan perkahwinan serta pembangunan keluarga. Pendidikan di sekolah juga patut menerapkan juga tuntutan perkahwinan, faedah perkahwinan yang sah.

Di sekolah antara kandungan pendidikan seksual di sekolah antaranya dari segi mengetahui dan memahami seksualiti lelaki dan perempuan.

Ia juga mestilah menjelaskan mengenai hubungan yang halal dan keburukan hubungan yang haram kepada anak di sekolah. Selain itu, ia menjelaskan jalan mencapai kebahagiaan hidup keindahan rumah tangga dan sebagainya.

Membina keharmonian dalam rumah tangga seharusnya dijadikan fokus utama, bukan hanya pendidikan seks semata-mata. Daripada sini akan jelas cinta yang agung hanya pada-Nya.

Nabi SAW bersabda yang bermaksud: "Wanita apabila ia sembahyang lima waktu, puasa sebulan Ramadan, memelihara kehormatan serta taat kepada suami, maka masuklah mana-mana pintu syurga yang dia kehendaki." (Riwayat Ahmad Ibnu Hibban, Thabrani, Anas bin Malik.).

Kesimpulannya, sama ada wanita atau lelaki memelihara kehormatan adalah sangat diutamakan dalam kehidupan seharian dan juga kehidupan berumah tangga. Bagi remaja juga memelihara kehormatan mestilah dijadikan didikan sejak dari awal lagi.



Kita harus memberikan kepercayaan sepenuhnya kepada guru untuk mengajar mata pelajaran Peers

